

## SOALAN LAZIM

### 1. APAKAH CUKAI

### TAKSIRAN?

Cukai Taksiran atau Cukai Pintu yang dikutip oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) ialah cukai yang dikenakan ke atas harta yang terletak di dalam kawasan Bandaraya Kuching Utara.

### 2. BILAKAH CUKAI TAKSIRAN DIBAYAR?

Cukai Taksiran perlu dibayar dua (2) kali setahun iaitu:

PENGGAL	TEMPOH BAYARAN TERAKHIR
1. Pertama (Jan - Jun)	31 Mei
2. Kedua (Jul - Dis)	31 Oktober

### 3. BAGAIMANA HENDAK MEMBAYAR?

Bayaran boleh dijelas secara:

1. Tunai
2. Kad Kredit (American Express, Visa dan Mastercard)
3. Kad Debit (Maybank, Hong Leong Bank, RHB Bank, Alliance Bank, Public Bank, bank Islam, Ambank, EON Bank, Affin Bank, CIMB)
4. Cek, wang pos, kiriman wang dibayar atas nama "DATUK BANDAR KUCHING UTARA"

### 4. DIMANA BOLEH DIBAYAR?

- a. Ibupejabat DBKU, Bukit Siol, Jalan Semariang, 93050 Kuching
- b. Kaunter Perkhidmatan DBKU, Bangunan Al-Idrus Commercial Centre, Jalan Satok, 93400 Kuching
- c. Kaunter Pembayaran SBBS (MBKS, MPP, Telekom, Lembaga Air Kuching, SESCO)
- d. Paybills Malaysia ( Pembayaran Secara Atas Talian)

### 5. APAKAH PERLU DIBUAT JIKA TIDAK MENERIMA BIL?

Bil salinan boleh didapati daripada:

#### **Bahagian Penilaian**

**Tingkat 1, Bukit Siol, Jalan Semariang, 93050 Kuching**

**Tel: 082-446688 sambungan 103/104**

**INFO CUKAI TAKSIRAN: 082-448822**

#### **Kaunter Pembayaran DBKU**

**Bangunan al-Idrus Commercial Centre, Jalan Satok, 93400 Kuching**

**Tel: 082-234654**

### 6. APAKAH TINDAKAN YANG DIKENAKAN JIKA TIDAK MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN INI DALAM TEMPOH BAYARAN TERSEBUT?

Denda sebanyak 1% setiap bulan kalendar atau sebahagian daripadanya.

Sekitarnya cukai taksiran masih belum dijelaskan, datuk Bandar berhak menuntut segala tunggakan menurut kuasa yang terkandung dalam Bahagian VII *Local Authorities Ordinance*, 1996 seperti berikut:

- a) Mengenakan kaveat ke atas pegangan
- b) Mengambil tindakan mahkamah
- c) Merampas dan menjual harta alih atau memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk menahan dan menjual hartanah

Jika soalan anda tidak tersenarai di atas, sila hubungi kami di talian **082-446688**.